

MAHATHIR - BADMINTON

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- PARA PEMAIN SKUAD BADMINTON NEGARA Masing-masing akan dihadiahkan sebuah kereta Proton Saga Model Ekspor dan sebuah rumah jika mereka berjaya merampas kembali Piala Thomas di Jepun nanti.

Insentif khas itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed selepas beliau dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah, meraikan para pemain pada jamuan tengah hari di sini hari ini.

Bagaimanapun, lokasi dan nilai rumah itu akan ditentukan kemudian.

+SAYA FIKIR INSENTIF INI ADALAH BESAR TETAPI INSENTIF YANG PALING BESAR SEKALI IALAH MENCAPAI KEMENANGAN BAGI NEGARA SENDIRI PADA PERTANDINGAN ITU,+ KATANYA.

Perdana Menteri berkata, sukan badminton merupakan satu-satunya bidang di mana Malaysia begitu cemerlang dan bertaraf dunia. -- LAGI.
1645MST 16 05 90

D885

U B680 AAB
MAHATHIR - BADMINTON 2 KUALA LUMPUR

+PERTANDINGAN PIALA THOMAS BUKANLAH PERTANDINGAN PERIBADI, IANYA ADALAH UNTUK NEGARA DAN SAYA YAKIN SELURUH RAKYAT TIDAK KIRA DARI PARTI MANA, KAUM DAN AGAMA AKAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA PASUKAN KITA,+ TAMBAHNYA..

Skuad negara akan berlepas pada Sabtu ini dan akan bertarung pada pusingan awal di Nagoya dari Mei 25 hingga 27. Peringkat separuh akhir dan akhir akan diadakan di Tokyo dari Mei 30 hingga 3 Jun.

Perdana Menteri juga memberi perangsang kepada para pemain sambil menekankan soal disiplin serta menasihatkan mereka melupakan masalah remeh-temeh yang mungkin timbul.

+PERKARA-PERKARA SEPERTI KETEGANGAN ANTARA PEMAIN DAN PEGAWAI DAN MAKANAN YANG TIDAK SESUAI MESTI DIKETEPIKAN. MATLAMAT UTAMA DAN PERTAMA IALAH MEMBAWA KEMBALI PIALA THOMAS,+ KATANYA.

Misi itu tidak mustahil kerana Malaysia pernah menyandang juara pertandingan itu dan hampir-hampir berjaya dua tahun lepas, katanya. -- LAGI.

1649MST 16 05 90

D886

U B681 AAB
MAHATHIR - BADMINTON 3 KUALA LUMPUR

+KALI INI ADA PELUANG KERANA KITA ADA PASUKAN YANG BEGITU KUAT BERBANDING DENGAN PASUKAN-PASUKAN LEPAS. TETAPI SEGALA-GALANYA BERGANTUNG KEPADA PEMAIN SENDIRI,+ TAMBAHNYA.

+APABILA DI GELANGGANG, JANGAN SEKALI-KALI MUDAH KECEWA WALAUPUN KETINGGALAN. KALAU JATUH, PEMAIN MESTI BANGUN DAN TERUS MENENTANG.+

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DIJANGKA BERADA DI JEPUN UNTUK MEMBERI SOKONGAN KEPADA PASUKAN NEGARA.

Malaysia diundi bersama juara bertahan China, Korea Selatan dan Sweden manakala Indonesia, Denmark, England dan Jepun berada dalam satu lagi kumpulan.

Kali terakhir Malaysia memenangi Piala Thomas ialah pada tahun 1967. Pada pertandingan dua tahun lepas, Malaysia berjaya menumpaskan Indonesia 3-2 pada peringkat separuh akhir sebelum tewas 1-4 kepada China pada perlawanan akhir. -- BERNAMA.